



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN		
TARIKH	:	8/11/2019	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	BMG / JMG		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

Tanah runtuh di Genting Highlands

# Dua mata air ditemui atas bukit

Dikhuatiri boleh timbulkan risiko runtutan susulan di lokasi kejadian

Oleh Fitri Nizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Hasil pentantuan bomba menemui beberapa mata air di bahagian atas bukit di Jalan Ion Delement, Genting Highlands yang dipercayai punca insiden tanah runtuh, Selasa lalu.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Genting Highlands, Yusri Abdullah Sani, berkata kewujudan mata air itu dikhuatiri boleh menimbulkan risiko runtutan susulan di lokasi kejadian. "Terdapat sekurang-kurangnya dua mata air ditemui di atas bukit. Kita dimaklumkan Jabatan Mineral dan Geosains Pahang sudah melakukan penyiasatan dan pemantauan berhubung perkara itu. "Langkah berjaga-jaga diambil

bagi menghadapi sebarang kemungkinan," katanya ketika dihubungi BH, di sini, semalam.

Selasa lalu, 200 kakitangan dan penghuni hotel serta pangasapuri terperangkap akibat tanah runtuh di Jalan Ion Delement, Genting Highlands berikutan hujan lebat.

Bagaimanapun, runtutan tanah di lereng bukit itu dipercayai berlaku secara berperingkat bermula jam 5 petang tidak membabitkan sebarang kecederaan atau kemalangan jiwa. Rakaman video memaparkan

**Kewujudan mata air itu boleh menyebabkan berlaku runtutan susulan di lokasi kejadian sekiranya hujan lebat dalam tempoh terdekat.**

Yusri Abdullah Sani, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Genting Highlands

tanah runtuh itu turut tular di laman sosial, sekali gus mengundang kebimbangan pelbagai pihak tahap keselamatan di lokasi kejadian.

Yusri ketika mengulas lanjut berkata, kewujudan mata air itu boleh menyebabkan berlaku runtutan susulan di lokasi kejadian sekiranya hujan lebat dalam tempoh terdekat.

"Justeru, saya meminta orang ramai termasuk yang menggunakan laluan alternatif sentiasa berwaspada, terutama ketika hujan lebat dan laporkan segera sebarang kejadian membabitkan isu berkenaan," katanya.

Sementara itu, laluan utama menghubungkan hotel dan pangasapuri yang terletak di Jalan Ion Delement, Genting Highlands masih ditutup kepada semua laluan lain sehingga Jabatan Kerja Raya (JKR) selesai menyalakan penialan tahap keselamatan cerun di lokasi kejadian.

Yusry berkata, laluan alternatif ketika ini hanya dibuka untuk kenderaan ringan bagi memastikan kelancaran pergerakan keluar masuk dari hotel dan pangasapuri di lokasi berkenaan.



Anggota penyelamat memeriksa struktur tanah runtuh di atas bukit di Jalan Ion Delement, Genting Highlands, kelmarin. (Foto Asyraf Hamzah/BH)